

80,000 kunjungi New Hoong Fatt di Shanghai

New Hoong Fatt Holdings Bhd, pengeluar dan pengedar alat ganti automotif dinamakan sebagai antara pemamer yang mencatatkan jumlah kunjungan terbesar iaitu sebanyak 80,000 pengunjung dalam tempoh 10 tahun pada pameran dagangan antarabangsa Automechanika Shanghai 2013.

Syarikat berkenaan menutup kalendar korporatnya tahun lalu dengan menyertai pameran berkenaan yang berlangsung di Shanghai New International Expo Centre dari 10 Disember hingga 13 Disember.

Beri tumpuan

Seramai lapan kakitangan diketuai pengurusan kanan Kumpulan menyertai pameran terbabit dan ia turut disertai 4,618 pemamer dari 38 negara di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin berkata 2013 adalah tahun yang memberangsangkan bagi kumpulan dari segi memenuhi permintaan semasa dan



Chin Jit Sin

bersedia untuk pertumbuhan masa depan yang mapan.

“Kami tetap memberikan tumpuan untuk membangunkan kemampuan pengeluaran dan memberi penekanan untuk pembangunan bakat yang berkualiti.

“Kumpulan telah membuat pelaburan yang ketara dalam meningkatkan produk logam dan plastik kami selain memasang mesin yang terbaik dalam kelasnya bagi mengembangkan kapasiti dan kecekapan pengeluaran.

“Sehingga kini, kami sudah meneroka 50 buah negara di seluruh dunia se-

perti Pakistan, Eropah, Taiwan, China serta India dan bersedia untuk memanfaatkan pertumbuhan di luar negara di masa depan,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Platform ideal

Beliau berkata, pameran Automechanika Shanghai adalah platform yang ideal bagi pembangunan perniagaan dalam sektor automotif.

“Menerusi anak syarikat milik penuh kami, Auto Global Parts Industries Sdn Bhd, kami mempromosikan bahagian badan automotif yang terdiri daripada fenders, bumper, bumbung dan gril pada pameran dagangan itu.

“Menerusinya, kami berjaya membangunkan rangkaian perniagaan-keperniagaan (B2B) dan ia juga memberi peluang yang cerah untuk berjumpa dengan pelanggan baru dan sedia ada di samping meninjau teknologi dan peralatan terbaru yang digunakan di seluruh dunia,” katanya.